

# 20 rumah terjejas teruk dilanda banjir lumpur

**P**ENDANG: Kira-kira 20 rumah di Kampung Lancuk Binjal Mukim Ayer Putih di sini, terjejas teruk selepas rumah mereka dilanda banjir lumpur berikutan hujan lebat lebih enam jam di kawasan itu sejak lewat petang kelmarin.

Difahamkan, rumah penduduk kampung berkenaan dinaiki air ketika kebanyakan mereka sedang nyenyak tidur kira-kira jam 1 pagi semalam, sebelum bergegas menyelamatkan barangan rumah termasuk peralatan elektrik dan perabot.

Suri rumah, Samsiah Abu Sa'id berkata, hujan lebat berterusan sejak jam 7 malam semalam menyebabkan air naik dan masuk ke rumahnya ketika dia, suami dan dua anaknya sedang nyenyak tidur.

Katanya, air yang masuk ke dalam rumahnya turut membawa lumpur dan selut tebal yang dipercayai tanah dari bukit yang terletak kurang 500 meter daripada rumahnya.

"Kami sekeluarga bergegas menyelamatkan perabot rumah termasuk peralatan elektrik. Bagaimanapun, kurang setengah jam air sudah naik sehingga paras lutut dan bagi mengelak kejadian tidak diinginkan kami terpaksa menutup bekalan elektrik sementara.

"Sepanjang malam kami berjaga kerana bimbang keadaan menjadi lebih buruk dan kira-kira jam 3.30 pagi air mula surut perlahan-lahan serta meninggalkan kesan lumpur dan selut tebal.

"Kami sekeluarga terpaksa membersihkan rumah kira-kira jam 7 pagi, kejadian banjir kilat memang kerap berlaku di kawasan ini dan penduduk di sini sudah letih untuk mengharungi situasi sama setiap kali hujan lebat," katanya.